



Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) **bersama belia yang berminat** dalam bidang pertanian.



Pelancaran **Kelab MYAGROSIS** oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.



# MYAGROSIS lahir siswazah tani berjaya

## » 13 agensi bawah MOA sebagai mentor mentee pelajar IPT, ILP

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bh.com.my

**P**embabitan lulusan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berkecimpung secara langsung dalam bidang keusahawanan tani sangat diperlukan kerana ia dilihat dapat membantu negara dalam menangani defisit import makanan negara.

Untuk menggalakkan penyertaan mahasiswa dalam bidang pertanian, program Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) dilancarkan pada 24 Oktober 2011 di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kedah dan seterusnya pelancaran rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 17 Disember 2011.

Program ini adalah kerjasama menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertujuan melahirkan kelompok usahawan tani yang berdaya saing dan berkualiti dalam kalangan siswazah dalam bidang pengeluaran serta pemasaran produk berasaskan pertanian terutama agromakanan.

Kelab ini yang diperkembangkan di 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara dan 11 Institut Latihan Pertanian Negara (ILP) di bawah Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), MOA dijangka membabitkan penyertaan 20,000 pelajar IPTA.

Sehingga Jun 2013, seramai 10,302 pelajar IPTA dan ILP mendaftar sebagai ahli Kelab MYAGROSIS dan seramai 52 usahawan MYAGROSIS berjaya dilahirkan.

Selain itu sebanyak 97 projek diluluskan dan dilaksanakan di IPTA/ILP membabitkan 47 buah



Pelbagai produk hasil tani terdapat di Kios MYAGROSIS.

K Shoppe dan Kafe Kopie Satu di bawah bidang agroniaga, 14 projek agrotanaman, 12 projek agroternakan, lapan projek agroakultur dan 16 projek agroatmografi.

Dalam membantu melahirkan usahawan tani dalam kalangan mahasiswa IPTA dan ILP, semua 13 agensi di bawah MOA memainkan peranan sebagai mentor mentee termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menjadi mentor kepada 14 cawangan UiTM dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

### Tiga bidang tani

Pihak FAMA akan memantau siswazah tani untuk memasarkan hasil keluaran tanaman mereka, termasuk membuka lebih banyak pasar tani di seluruh negara bagi memudahkan usahawan tani memasarkan hasil.

Di bawah program ini, sebanyak tiga bidang pertanian tani yang dipilih untuk dijadikan asas kepada pendedahan terhadap aktiviti perniagaan tani iaitu Agroladang membabitkan tanaman, akuakultur, ternakan, produk hiliran input pertanian, florikultur dan landskap.

Menerusi bidang agroniaga, mahasiswa didedahkan dengan aktiviti outlet peruncitan statik

atau mobile seperti perniagaan K Shoppe dan Kopie Satu, manakala AgroInovasi membabitkan aktiviti berkaitan kreatif tani.

Dengan menyertai Kelab MYAGROSIS, banyak kelebihan diberikan kepada mahasiswa selepas mereka menamatkan pengajian seperti diberi keutamaan dalam meneruskan program latihan pada peringkat lapangan berasaskan kepada perniagaan tani di dalam program INKUBASI usahawan tani di bawah kelolaan Universiti Putra Malaysia.

Ahli kelab yang membuat permohonan pinjaman projek pertanian daripada Agrobank dan TEKUN akan mendapat keutamaan 'green lane', ahli kelab juga diberikan perkhidmatan bantu-

an daripada jabatan dan agensi di bawah MOA.

Selain itu, ahli kelab mudah mendapatkan jaringan peluang perkhidmatan, rangkaian dan maklumat pasaran serta mendapat keutamaan dalam penyertaan projek pertanian, pembungkusan, pemasaran dan teknologi pertanian di bawah program jabatan dan agensi MOA.

Bagi ahli MYAGROSIS yang sudah menamatkan pengajian dan ingin membuat pinjaman dalam melaksanakan projek pertanian mereka boleh memohon daripada AgroBank dan TEKUN Nasional.

### Lantik anchor graduan usahawan

Kelab MYAGROSIS terbuka kepada semua mahasiswa IPTA/ILP dan mereka digalakkan menyertai kelab ini seawal semester pertama kerana pembabitan dalam tempoh awal dapat memantapkan lagi pengalaman serta kemahiran terhadap pelaksanaan projek yang diceburi pada peringkat IPTA/ILP.

Untuk menyertai kelab ini mereka perlu mengisi borang keahlian pada peringkat IPTA/ILP dengan yuran pemprosesan keahlian sebanyak RM30. Pegawai penyelaras pada peringkat IPTA/ILP perlu membuat pengesa-

han terhadap semua permohonan yang berkecimpung dan seterusnya mendaftarkan keahlian kepada pihak AgroBank berhampiran.

Menerusi pembayaran itu, sebanyak RM20 akan didepositkan ke akaun ahli. Turut diberikan kemeja T dan topi MYAGROSIS, kad keahlian (seumur hidup) dan kad ATM AgroBank. Dengan memiliki kad keahlian yang dibuat dengan kerjasama AgroBank, rekod siswazah dimuat dalam cip bagi memudahkan pinjaman.

Bagi memastikan program MYAGROSIS ini berjalan lancar, Lembaga Penasihat Kelab MYAGROSIS kebangsaan ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan kelab ini di seluruh negara. Lembaga ini bertanggungjawab merancang dan menggubal dasar serta hala tuju kelab dan bertindak sebagai penilai pencapaian matlamatnya.

Turut dilaksanakan adalah perlantikan usahawan graduan sebagai anchor kepada projek MYAGROSIS. Ia dipilih daripada usahawan berjaya yang berdedikasi dan sanggup memberi komitmen dalam menjayakan projek MYAGROSIS. Usahawan ini berperanan dalam memberi khidmat nasihat, membimbing ahli kelab, mengawal selia projek daripada peringkat awal hingga akhir, membantu pemasaran produk/hasil tuaian projek dan memberi peluang kerja sambilan kepada ahli.

### Generasi usahawan tani moden

Program MYAGROSIS ini adalah platform membentuk usahawan tani berdaya saing dan memberi impak besar dengan menjadikan siswazah IPTA/ILP sebagai generasi usahawan tani moden berkemahiran dan mampu menjana pendapatan tinggi dalam bidang pertanian menjelang 2020.

Untuk memastikan kejayaan berterusan, MOA akan memantau dan membimbing siswazah serta usahawan muda yang sudah menamatkan pengajian bagi meneruskan usaha dalam industri pertanian dan agromakanan.

### FAKTA NOMBOR

10,302  
orang

pelajar IPTA dan ILP daftar  
ahli kelab MYAGROSIS